

Penggubalan Dasar British terhadap Tanah Melayu Semasa Perang Dunia Kedua

OONG HAK CHING

PENGENALAN

Perang Dunia Kedua atau pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1942-1945) merupakan peristiwa penting dalam sejarah negara ini. Pada zaman ini British telah menggubal sebuah perlembagaan baru yang membayangkan perubahan dasar mereka terhadap orang Melayu. Dasar baru ini akan memberi kesan negatif kepada masyarakat Melayu: menghapuskan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu, kedaulatan Sultan-sultan Melayu dan taraf kebumiputeraan orang Melayu. Dasar baru ini membayangkan kerajaan British tidak lagi berhasrat untuk memikul tanggungjawab untuk memberi perlindungan kepada Sultan-sultan dan orang Melayu berasaskan perjanjian yang “kudus” di antara British dengan Sultan-sultan Melayu yang dibuat sebelum perang. Sebalik dasar baru tersebut memberi banyak manfaat kepada orang-orang bukan Melayu terutama orang Cina yang dahulu nya dianggap sebagai perantau yang tidak mempunyai sebarang hak dalam kehidupan politik di Tanah Melayu. Kertaskerja ini cuba meneliti dan menganalisis sebab musabab yang mendorong British mengubah dasar “pro-Melayu” atau “Malaya for the Malays” kepada dasar Tanah Melayu untuk semua penduduk Tanah Melayu atau “Malaya for Malayans.”

LATARBELAKANG SEJARAH

British telah memperluaskan pengaruh dan menegakkan kawalan ke atas semenanjung Tanah Melayu dalam jangkamasa 1874 hingga 1914. Sebelum itu British cuma menguasai tiga pengkalan perdagangan: Pulau Pinang, Melaka dan Singapura yang kemudiannya dicantumkan menjadi Negeri-negeri Selat. British berpuas hati dengan menguasai kawasan-kawasan ini sahaja kerana kepentingannya di rantau ini pada masa itu terbatas kepada menjaga keselamatan dan pertahanan India dan menguasai jalan laut ke China.

Kerajaan British dan Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) yang memerintah dan mentadbir Negeri-negeri Selat tidak tertarik untuk memperluaskan kawalan ke atas Negeri-negeri Melayu kerana pengalaman mereka memprlihatkan imperialisme boleh menimbulkan risiko yang tidak

menguntungkan. Misalnya tindakan British untuk mengambil dan memasukkan Naning menjadi wilayah Melaka telah mencetuskan perang yang menelan belanja yang banyak dan hasil yang di perolehi dari Naning pula sedikit benar. EIC mendapati hasil daripada Negeri-negeri Selat bertambah kurang berikutan dengan penghapusan hak monopoli perdagangannya dengan China selepas 1833. Campurtangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu boleh menyebabkan pertambahan beban bagi EIC. Walaupun begitu EIC dan kerajaan British tidak menyekat individu-individu British terutama golongan saudagar untuk campur tangan dalam hal ehwal Negeri-negeri Melayu.

Menjelang suku terakhir kurun ke 19 kerajaan British terpaksa menilai semula dasar tidak campurtangan dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu. Golongan saudagar swasta dan pegawai-pegawai kolonial Negeri-negeri Selat mendesak kerajaan British mengubah dasar kerana mereka melihat negeri-negeri Melayu mempunyai hasil kekayaan terutama hasil-hasil bumi seperti bijih timah dan dipercayai juga ada emas. Saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat tertarik untuk melabor dalam bidang perlombongan terutama di Perak dan Selangor. Sejak tahun 1850an mereka telahpun mula melabor secara kecil-kecilan. Golongan saudagar bimbang untuk melabor secara besar-besaran dan meluas kerana pentadbiran dan kestabilan politik di negeri-negeri Melayu tidak dapat menjamin keselamatan modal mereka.

Keadaan politik peribumi di negeri-negeri Melayu terutama Perak, Selangor dan Negeri Sembilan selalu bergolak disebabkan pertikaian dikalangan golongan kerabat diraja kerana masalah pergantian ke atas tatkha kerajaan dan perebutan kawasan-kawasan yang dipercayai mempunyai timah. Konflik di negeri-negeri Melayu bertambah besar disebabkan terdapat persaingan di kalangan saudagar-saudagar Cina dan kumpulan-kumpulan kongsi gelap yang bertentangan. Kekacauan yang berlaku sering melimpah ke Negeri-negeri Selat dan kerajaan India agak lemah untuk mengatasi keadaan ini. Ini menyebabkan saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat mendesak supaya kawalan ke atas Negeri-negeri Selat dipindahkan daripada kerajaan India ke Pejabat Tanah jajahan (Colonial Office) di London. Pada tahun 1867 tuntutan ini ditunaikan dan berikutan dengan ini saudagar-saudagar bertambah kuat mendesak kerajaan British supaya campurtangan di negeri-negeri Melayu.

Dalam kurun ke 19 permintaan terhadap timah telah meningkat akibat perang saudara di Amerika Syarikat. Timah diperlukan untuk membuat barang-barang kerperluan tentera seperti tong-tong untuk simpanan minyak dan lain-lain. Revolusi industri di beberapa negara Eropah juga telah meningkatkan permintaan terhadap timah termasuk daripada Tanah Melayu. Faktor-faktor ini menyebabkan berlaku persaingan yang hebat dalam perdagangan hasil-hasil keluaran negeri-negeri Melayu. Bagi golongan saudagar jalan yang sebaik-baiknya bagi mengatasi masalah mereka adalah dengan perluasan kawalan British ke atas negeri-negeri Melayu.

Menjelang 1870an semangat imperialisme dan perlumbaan mencari tanahjajahan telah meningkat dikalangan negera-negera Eropah. Lord Kimberley, Setiausaha Negara Bagi Tanahjajahan British membayangkan kemungkinan Jerman akan campurtangan di Selangor dan ia menegaskan pendirian British yang tidak akan membenarkan sebarang kuasa asing lain dari membentuk negeri naungan di Semenanjung Tanah Melayu.² Ia telah mengeluarkan satu arahan kepada Sir Andrew Clarke, bakal Gabenor Negeri-negeri Selat supaya membuat laporan kepadanya mengenai langkah-langkah yang boleh diambil oleh Pejabat Tanahjajahan bagi memupuk dan memulihkan keamanan dan ketenteraman bagi melindungi perdagangan dan perniagaan di negeri-negeri Melayu.

Pada 11 Januari 1874 satu pertemuan diadakan di Pulau Pangkor yang dihadiri oleh pihak-pihak yang menuntut takhta Perak kecuali Raja Ismail. Turut hadir pemimpin-pemimpin kongsi gelap Cina yang bertikai dan pegawai-pegawai kolonial termasuk Andrew Clarke sendiri. Satu perjanjian telah ditandatangani yang dikenali sebagai Perjanjian Pangkor yang di antara lain mengakui Raja Abdullah sebagai Sultan Perak dan pihak istana bersetuju menerima seorang pegawai (residen) British yang mana nasihatnya dalam semua hal mesti diminta dan dijalankan kecuali yang menyentuh ugama dan adat istiadat Melayu.³ British seterusnya menegakkan kawalan ke atas Selangor, Negeri Sembilan dan kemudian Pahang dalam tahun 1880an. Dalam tahun 1895 keempat-empat negeri ini disatukan menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu dengan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran.

Perluasan kawalan British dilanjutkan ke Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor dari tahun 1909 hingga 1914. British berusaha untuk memasukkan negeri-negeri ini dibawah Pesekutuan tetapi gagal dan ditadbirkan secara berasingan. Dengan itu British Malaya yang muncul dalam 1914 bukanlah merupakan satu unit yang homojinis tetapi berpecah kepada tiga kategori: Negeri-negeri Selat yang diperintah secara langsung sebagai Tanah jajahan Mahkota; Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang ditadbir sebagai satu unit dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang di tadbir secara berasingan. Di Negeri-negeri Selat kerajaan British mempunyai kuasa kehakiman dan boleh meluluskan sesuatu rang undang-undang secara *Order in Council* di bawah *Foreign Jurisdiction Acts* 1890 dan 1913. Negeri-negeri Melayu pula dari segi tiori masih merupakan negeri-negeri yang berdaulat dan British mentadbir negeri-negeri berkenaan berdasarkan beberapa siri perjanjian dengan Sultan-sultan Melayu. Dalam ertikata lain negeri-negeri berkenaan kekal sebagai negeri bagi orang Melayu dan perjanjian di antara Sultan dengan British tidak menafikan hak sultan sebagai pemerintah berdaulat atau *independent sovereign*.⁴

DASAR BRITISH TERHADAP TANAH MELAYU JANGKAMASA SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA

Apabila British menegakkan kawalan politik di negeri-negeri Melayu ada lah menjadi matlamat British untuk memupuk kesetabilan politik melalui pengenalan sebuah pentadbiran ala Barat yang akan menggalakan perkembangan ekonomi.⁵ Ini akan dapat dicapai melalui galakan pelaboran British atau asing, penggunaan tenaga buruh murah dari luar dan penimbaan bahan-bahan semulajadi. Dengan demikian kemasukan buruh-buruh asing termasuk terutama daripada India dan China adalah dialu-alukan oleh pentadbiran British.

Komposisi penduduk Tanah Melayu berubah dengan pesat berikut dengan kemasukan golongan perantau Cina dan India. Dalam jangkamasa 1911 hingga 1931 jumlah penduduk Tanah Melayu meningkat melebihi 76 peratus.⁶ Sementara itu peningkatan penduduk Melayu atau bumiputera agak perlahan. Dalam tahun 1911 orang Melayu masih membentuk golongan majoriti atau melebihi daripada 53 peratus daripada jumlah penduduk Tanah Melayu. Tetapi bilangan golongan perantau Cina dan India telah melebihi bilangan penduduk keturunan Melayu dalam tahun 1931 dan pada tahun 1941 mereka membentuk hampir 60 peratus daripada jumlah penduduk Tanah Melayu.⁷ Kebanyakan golongan perantau tertumpu ke Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Cuma di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu bilangan mereka kurang daripada penduduk Melayu.⁸ Pada mulanya golongan perantau berulang alik dari Tanah Melayu ke negara asal tetapi lama kelamaan mereka lebih cenderung untuk tinggal menetap di Tanah Melayu. Pada tahun 1931 kira-kira satu pertiga atau 31 peratus penduduk Cina dilahirkan di sini. Di kalangan orang India pula satu perempat ada lah kelahiran tempatan.

Kebanyakan orang Cina tertumpu di kawasan-kawasan yang telah maju terutama di bandar-bandar di barat semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang India pula tertumpu di kawasan ladang-ladang getah. Sementara itu orang Melayu kebanyakannya kekal di kawasan asal mereka di tepian sungai dan kampung-kampung. Menurut Emerson: “The Chinese have been given virtually free rein in it by the British in all spheres except the political, and they have known how to make good use of it.”⁹ Dasar ekonomi British memberi kesempatan yang luas untuk golongan perantau bagi menimba kekayaan dan mereka berjaya menguasai sektor perdagangan dan perniagaan termasuk runcit. Masyarakat Melayu sebaliknya tertinggal di belakang dan mereka tidak digalakkan untuk menceburi diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntung saperti pertanian kommersial dan perladangan getah. Dalam struktur kolonial peranan mereka ada lah sebagai pengeluar bahan makanan¹⁰ British mempunyai muslihat untuk membiarkan orang Melayu dalam kemunduran. Keadaan ini dapat dijadikan alasan bahawa orang Melayu perlukan perlindungan dan peranan British ada lah sebagai “pelindung.”

Dari segi politik British menganggap orang Cina dan India sebagai perantau walaupun ada di antara mereka dilahirkan di sini dan memperlihatkan ciri-ciri kehidupan sebagai penduduk tetap di rantau ini. Sebagai orang asing, orang Cina atau India tidak mempunyai apa jua hak politik. British juga tidak memerlukan perkhidmatan dan penyertaan orang Cina dalam bidang pemerintahan dan pentadbiran di negeri-negeri Melayu. British merasa senang untuk mengamalkan dasar yang demikian sesuai dengan kehendak raja-raja Melayu atau orang Melayu.¹¹ Sebarang usaha untuk mengubah taraf orang Cina untuk menjadi warganegara atau mendapat hak-hak politik akan menjaskankan kedudukan British sebagai “pelindung” bagi raja-raja dan orang Melayu. Sebarang usaha untuk menyerapkan orang bukan Melayu ke dalam kehidupan politik di negeri-negeri Melayu juga akan menelan perbelanjaan besar dan menambahkan kerumitan dari segi pentadbiran dan pemerintahan.¹² Dengan demikian British mengamalkan dasar membendung pertumbuhan kesedaran dan kegiatan-kegiatan politik golongan perantau.

Kegiatan-kegiatan politik orang bukan Melayu terutama Cina telah menimbulkan banyak masalah dan dilihat sebagai ancaman kepada kuasa British di rantau ini.¹³ Kegiatan-kegiatan Kuomintang dianggap sebagai campurtangan asing dalam hal-ehwal penduduk Cina di Tanah Melayu, sementara kegiatan-kegiatan Komunis sebagai punca kegelisahan dan permogokan buruh.¹⁴ Kegiatan-kegiatan politik Cina Peranakan pula seperti tuntutan-tuntutan untuk penyertaan dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan dianggap cubaan menceroboh hak-hak politik orang Melayu dan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu.

Sebagai respons terhadap kebangkitan nasionalisme dan kegiatan-kegiatan politik bukan Melayu British mengambil langkah-langkah memerhati dan mengawal gerakan komunis dan Kuomintang. Di bawah Ordinan Persatuan-persatuan yang diwujudkan sebelum Perang Dunia kedua komunis dan Kuomintang diharamkan. Sementara tuntutan-tuntutan orang-orang Cina, khususnya Peranakan dan India untuk mendapat peluang menyertai perkhidmatan awan dan badan-badan pengubal dasar tidak dihiraukan dan sebaliknya British mengambil langkah-langkah yang lebih “pro” kepada orang Melayu dan menekankan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu. Dalam tahun 1937 Sir Shenton Thomas, Gabnor Negeri-negeri Selat menolak tuntutan-tuntutan orang bukan Melayu dengan menyatakan:

This is the sixth country in which I have served, and I do not know of any country in which what I might call a foreigner - that to say, a not native of the country ... has ever been appointed to administrative post and I consider that I shall be right in saying now that I would support no such proposal here.¹⁵

Yeo Kim Wah dalam kajiannya mengenai dasar nyahpusat atau disentralisasi di bawah Guillemard, Gabnor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya British bagi

negeri-negeri Melayu memerlihatkan bahawa British menjalankan dasar tersebut sebagai reponse kepada kebangkitan kesedaran dan kegiatan-kegiatan politik Cina.¹⁶ Misalnya ia dengan sengaja tidak membincangkan isue disentralisasi dengan dua wakil masyarakat Cina yang menjadi ahli Majlis Persekutuan kerana ia merasakan bahawa isue politik cuma berkaitan dengan British dan orang Melayu¹⁷

British menjalankan dasar nyahpusat juga dengan matlamat untuk menyatukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu di bawah satu persekutuan atau kesatuan. Di bawah dasar ini kuasa kerajaan pusat di Negeri-negeri Melayu Bersekutu akan dikurangkan dan dipindahkan kepada Sultan-sultan dan Majlis-majlis Negeri. Di bawah dasar ini jawatan Residen-jeneral digantikan dengan Ketua Setiausaha yang kemudiannya dihapuskan pada tahun 1936. Sebagai ganti jawatan Setiausaha Persekutuan yang lebih rendah tarafnya dari Residen telah diwujudkan. British berharap dasar nyahpusat ini akan menarik sultan-sultan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu untuk menyertai satu persekutuan dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Ini disebabkan di bawah dasar ini Sultan-sultan dan Majlis-majlis negeri mempunyai banyak kuasa berbanding dengan kerajaan pusat di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun rancangan British gagal menarik hati Sultan-sultan berkenaan.

Harapan British untuk menyatukan negeri-negeri Melayu dan menyelaraskan pentadbiran di Tanah Melayu di bawah sebuah kerajaan pusat tidak tercapai. Walau pun begitu pentadbiran British di Tanah Melayu berpuas hati dengan corak pemerintah secara tidak langsung telah sedia ada atau yang berasaskan sistem perjanjian British dengan Sultan-sultan Melayu. Mengikut Albert Lau: '.... before 1941, Britain had no compelling reason to reform the treaty system which had kept Malaya and her communities ... 'politically asleep for almost seventy years.'¹⁸

PENGGUBALAN DASAR LEPAS PERANG BRITISH TERHADAP TANAH MELAYU

Pada 8 Disember 1941 angkatan tentera Jepun telah memulakan serangan ke atas Tanah Melayu dan sepuluh minggu kemudian British menyerah kalah. Britain sebagai satu kuasa Eropah yang besar menghadapi perasaan kecewa dan malu kerana dikalahkan oleh satu kuasa Asia yang dianggap kerdil. Kekalahan ini juga jelas memperlihatkan ketidakupayaan British menunaikan tanggung-jawabnya di bawah perjanjian di antara British dengan Sultan-sultan Melayu bagi mempertahankan Tanah Melayu dari serangan luar. Apabila British mula mengkaji sebab musabab kekalahannya telah timbul di kalangan tertentu yang meletakkan orang Melayu atau situasi yang wujud di Tanah Melayu waktu itu sebagai punca yang melemahkan pertahanan British di Tanah Melayu. Misalnya

akbar *The Economist* mengkritik dasar pro-Melayu yang diamalkan menyebabkan pihak berkuasa di Tanah Melayu tidak cuba mengembang tenaga orang Cina dan India untuk tujuan-tujuan perang¹⁹ Dasar pro-Melayu juga dikecam dengan hebat apabila timbul kabar-kabar angin yang menyatakan ada orang Melayu menjadi kolumn kelima, menjalankan operasi bagi memudahkan dan membantu kemaraan tentera Jepun ke Singapura.²⁰ Sentimen 'anti-Melayu' ini nampaknya turut mempengaruhi pegawai-pegawai British apabila mereka mengubal dasar lepas perang British untuk Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union. Walau bagaimanapun banyak perkara yang dipertimbangkan oleh kerajaan British bagi membentuk satu dasar yang dijangka dapat memelihara dan menjaga dengan sebaikbaiknya kepentingan-kepentingan Great Britain secara global dan juga di Tanah Melayu.

Edward Gent, Penolong Setiausaha Rendah Tetap di Pejabat Tanah jajahan ditugaskan mengkaji semula dasar British yang bakal dilaksanakan di Tanah Melayu. Ia dibantu oleh sebuah Unit Perancangan Tanah Melayu yang dibentuk pada bulan Jun 1943. Pegawai-pegawai di Pejabat Tanah jajahan sedar bahawa negeri-negeri Melayu merupakan wilayah naungan yang sangat bernilai dan sumber ekonomi yang penting bagi Britain. Kehilangan wilayah ini menyebabkan Britain menghadapi kesukaran bagi mendapatkan bahan-bahan mentah terutama bijih timah dan getah. Tambahan lagi akan kehilangan India yang harus diberikan kemerdekaan. Burma yang masih dalam genggaman Jepun akan ditakluki semula dan dimerdekakan. Memandangkan perkembangan tersebut British berazam untuk mengambil kembali Tanah Melayu dan wilayah-wilayahnya di Asia Tenggara. British memerlukan satu dasar untuk jangka pendek dan jangka panjang. Untuk jangka pendek British memerlukan satu dasar yang boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi akibat dari situasi perang dan untuk keperluan pihak tentera yang akan menjalankan operasi untuk menghalau Jepun dan menduduki semula Tanah Melayu. Dasar baru juga diperlukan bagi mempercepatkan pemulihan dan pembangunan semula ekonomi Tanah Melayu. Dalam jangka panjang British perlu satu dasar proaktif bagi menghadapi kemungkinan Tanah Melayu bergerak ke arah taraf berkerajaan sendiri.

Peperangan telah menimbulkan banyak masalah baru kepada kerajaan British. Antara masalahnya untuk mengurus hal-hewal orang pelarian dan pelajar-pelajar daripada Tanah Melayu yang tersadai di India dan Asia Barat dan hal-hal lain yang memerlukan peruntukan kewangan. British mendapati Tanah Melayu memiliki harta dan wang yang disimpan di London oleh Agen Mahkota sebagai pemegang amanah. Jumlahnya dalam lingkungan 50 juta hingga 60 juta pound yang terbahagi kepada beberapa jenis tabung yang dikenali sebagai Malayan funds. Tetapi Pejabat Tanah jajahan tidak cara yang sah dari segi undang-undang atau perlombagaan bagi mengeluarkan dan menggunakan wang berkenaan. Ini disebabkan Sultan-sultan Melayu menjadi prinsipal bagi tabung-tabung berkenaan. Kerajaan British tidak memiliki kewibawaan untuk

mengeluarkan wang berkenaan dan mereka tidak boleh mendapat kebenaran daripada Sultan-sultan yang berada di Tanah Melayu.

Pejabat Tanah jajahan sangat memerlukan wang untuk pelbagai tujuan termasuk bagi membayar gaji pegawai-pegawai Unit Perancangan Tanah Melayu dan kegunaan unit ini apabila mereka kembali ke Tanah Melayu. Pada 23 April 1943 Setiausaha Negara bagi Tanah jajahan dan pegawai-pegawainya mengambil keputusan untuk menggunakan wang tabungan Tanah Melayu walaupun tindakan ini boleh menyebabkan Agen Mahkota dan mereka sendiri dihadapkan ke mahkamah di atas tuduhan 'pecah amanah'.²¹

Pada mulanya pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan menghadapi jalan buntu bagaimana untuk menyelesaikan masalah tersebut di atas. Tetapi masalah ini kemudiannya diselesaikan melalui pengambilan kedaulatan Sultan-sultan Melayu yang bermakna kerajaan British dapat mengambil tempat mereka sebagai prinsipal bagi tabungan Tanah Melayu. Melalui perjanjian dengan Sultan-sultan juga segala aset dan tanggungan negeri-negeri Melayu diserahkan kepada British. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh British akibat perang ialah untuk mendapatkan kerjasama daripada pertubuhan-pertubuhan politik Cina seperti Komunis dan Kuomintang yang dahulunya diharamkan oleh kerajaan kolonial di Tanah Melayu. di samping itu Britain berharap untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan kerajaan Kuomintang di China.

British membuat andaian bahawa China dengan dibantu oleh Amerika Syarikat akan muncul sebagai salah satu kuasa besar dalam kalangan negara-negara Bersekutu selepas tamat Perang Dunia Kedua. Britain akan menjalin hubungan yang baik dengan China sebagai negara sahabat. Sementara itu pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan melihat ada kemungkinan China akan memainkan peranan menolong Britain dalam perang untuk mengambil kembali Tanah Melayu daripada Jepun. Oleh kerana itu mereka berpendapat kerajaan kolonial British di Tanah Melayu kelak harus mempunyai dasar berbaik dengan kerajaan Kuomintang China. Pejabat Tanah jajahan dapat merasakan bahawa Tanah Melayu akan mengalami banyak masalah dalam hubungan dengan China. Salah satu masalah ialah campurtangan China dalam hal-ehwal orang Cina melalui parti Kuomintang. Besar kemungkinan China akan menekan kerajaan British supaya membenarkan Kuomintang bergerak sebagai pertubuhan yang sah di Tanah Melayu. Menurut J.J. Paskin: 'It was therefore considered that as matter of policy, it would be better to forestall demands (which in the circumstance envisaged in the post war would be irresistible) for the repeal of the Malayan Legislation, by ourselves taking the initiative and replacing that legislation by enactments on lines of the one which was then in operation in Hongkong.'²²

Peperangan Dunia Kedua telah mewujudkan satu keadaan yang merubah corak perhubungan British dengan komuniti Cina di Tanah Melayu. Pertubuhan-pertubuhan politik Cina yang diharamkan seperti Parti Komunis Malaya dan cawangan-cawangan Kuomintang menjadi rakan perjuangan British bagi

menentang kemaraan angkatan tentera Jepun. Pada mulanya British keberatan untuk menerima tawaran daripada PKM untuk berkerjasama dengan British dalam Perperangan Dunia Kedua. Tetapi apabila keadaan terdesak selepas hampir-hampir seluruh semenanjung jatuh ke tangan angkatan tentera Jepun British menukar sikap dan meminta kerjasama dari komuniti Cina termasuk komunis. Pada 3 haribulan Januari 1942, Sir Shenton Thomas, Gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu menulis bahawa:

.... buat kali pertama dalam sejarah, wakil-wakil orang Cina dari semua parti, termasuk Cina Peranakan, Kuomintang dan Komunis, serta lain-lain menemui saya ... [Mereka] menyatakan bahawa dalam keadaan sekarang, kekalahan Jepun adalah merupakan satu-satunya minat mereka, dan menawarkan diri untuk berkhidmat di bawah saya.²³

Lord Moyne, Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan menyambut baik itawaranî dari komuniti Cina dan mengeluarkan kepada Gabenor supaya menggunakan sepenuhnya perkhidmatan-perkhidmatan komuniti Cina bagi menyekat kemaraan Jepun. Menurutnya: 'Unsur-unsur yang liat dari orang-orang Cina yang menimbulkan kepayahan kepada kita [British] pada masa lepas berkemungkinan besar menjadi sesuatu yang amat berguna untuk tujuan-tujuan segara.'²⁴

Berikutan dengan arahan daripada Setiausaha Negara Bagi Tanah jajahan kerajaan kolonial telah membebaskan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli PKM dari penjara. Cina Peranakan, Kuomintang dan PKM berkerjasama dan membentuk Majlis Mobilisi Orang-orang Cina yang terdiri 24 ahli. Sepuluh dari Kuomintang dan sepuluh dari PKM dan yang lain terdiri dari pemimpin Cina Peranakan. Sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk dan dinamakan jawatankuasa Kor Pertahanan untuk membantu angkatan tentera British bagi mempertahankan Singapura dari serangan Jepun. Sebuah pasukan sukarelawan dibantu dinamakan *Singapore Oversea Volunteer Army* yang kebanyakannya anggotanya terdiri dari belia-belia Komunis.²⁵ J.D. Dalley, bekas Ketua Pegawai Polis dan pegawai Cawangan Khas yang berundur bersama *British Imperial Forces* dari semenanjung ke Singapura telah ditugaskan memimpin pasukan ini. Dalley memanggil pasukan ini sebagai *Dalforce* atau Pasukan Dalley sempena namanya sendiri. Menurut Dalley, *Dalforce* terletak di bawah Malaya Command and Pejabat Perang Britain.

Kekuatan *Dalforce* dianggarkan berjumlah 1,250 orang, terbahagi kepada tujuh kompeni tiap-tiap satu dianggotai oleh 150 orang.²⁶ Selain daripada itu terdapat sebuah unit khas 'Dare to die', satu lagi kompeni dalam proses pembentukan dan kakitangan di ibu pejabat.

Dalforce turut berjuang bersama-sama tentera British dan pasukan tentera India bagi mempertahankan Singapura dari serangan Jepun. Walaupun *Dalforce* tidak begitu terlatih dan kekurangan alat senjata tetapi pasukan berjuang dengan berani sehingga dibubarkan apabila British menyerah kalah kepada Jepun.

Sebelum bersurai mereka diberi maklumat mengenai tempat-tempat simpanan senjata yang akan digunakan pada suatu masa kelak dan mereka diarahkan berhubung di antara satu dengan lain dan bersiap sedia membantu kepulangan British ke Tanah Melayu.

Pada masa pendudukan tentera Jepun British meneruskan kerjasama dengan Kuomintang dan Komunis. Perlu disebutkan di sini bahawa British yang bertanggungjawab dalam pasukan guerila yang dinamakan Rakyat Malaya Anti-Tentera Jepun atau MPAJA. Penyokong-penyokong Komunis Dalforce yang menjadi tulang belakang pasukan guerila ini.²⁷ Mereka disertai oleh penyokong-penyokong komunis yang lain dan juga orang Cina yang bencikan pentadbiran tentera Jepun. Semasa tentera British diundurkan Major Spencer Chapman yang menjadi Timbalan Komander 101STS ditinggalkan untuk menyertai pasukan guerila.²⁸ Ia kemudiannya disertai oleh anggota SOE termasuk Richard Broome dan John Davis. Saperti yang telah disebutkan Richard Broome dan John Davis selaku wakil-wakil bagi Ketua Panglima Perang Tentera Berikat telah membuat satu perjanjian dengan Loi Tak (Chang Hong) dan Chin Peng (Chen Chin Sheng), sebagai wakil-wakil Jawatankuasa Bersama MPAJA dan Kesatuan Rakyat Malaya Anti-Jepun atau MPAJU. Kedua-dua pihak bersetuju berkerjasama sepenuhnya bagi tujuan-tujuan mengalahkan angkatan tentera Jepun. Wakil-wakil British bersetuju untuk membekalkan senjata dan wang, serta mengadakan kemudahan-kemudahan untuk latihan dan perubatan. Komunis pula bersetuju meletakkan MPAJA di bawah penyeliaan *South-East Asian Command* (SRAC) melalui pegawai-pegawai Force 136.

Butir-butir perjanjian dicatat pada satu helai kertas yang diambil dari buku latihan pelajar.²⁹ Butir-butir perjanjian tidak menyentuh dasar lepas-perang atau aspek politik. Chin Peng sendiri pun mengakui ia tidak meminta sebarang konsesi politik dari Britain. Tetapi pegawai-pegawai British yang terlibat dalam pengubalan dasar dan pegawai tentera British di India merasa perlu menimbangkan isu kerjasama British-Komunis apabila mereka membincangkan pembentukan dasar lepas-perang British.

Pegawai-pegawai British menyedari bahawa Komunis tidak akan memberi kerjasama sepenuhnya atau akan berpaling tadah sekiranya mereka tidak mengetahui apa layanan yang akan diterima sesudah British kembali ke Tanah Melayu. Pada masa sebelum perang PKM adalah organisasi haram dan ahli-ahlinya boleh ditahan dan dipenjarakan. Menurut Innes Tremlett, Ketua SOE unit Tanah Melayu pemimpin-pemimpin MPAJA enggan berhubung rapat dengan pegawai-pegawai SOE kerana mereka tidak pasti mengenai layanan yang akan diterima selepas tamat Perang atau mereka ingin menjalankan tindakan-tindakan subversif. Pada bulan September 1943 pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan telah pun membincangkan mengenai pendirian yang harus diambil memandangkan Komunis dan Kuomintang telah berubah sikap dengan memberikan kerjasama kepada British menjelang tercetus Perang Pasifik. Pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan dimaklumkan bahawa:

At present [1943] it must be expected that the two major Chinese parties [Kuomintang and MCP] will have managed to maintain some sort of undercover machinery and will be strong guiding force in such resistance to enemy as is at present possible. They are likely too to play a prominent role part in helping us in any campaign to drive out Japanese.³⁰

Dalam keadaan demikian adalah mustahil bagi British untuk melaksanakan kembali ithe pre-war embargoes terhadap Kuomintang dan PKM. Sebaliknya dirasakan bahawa Ordinan Pertubuhan perlu dipinda atau digantikan dengan Ordinan Pertubuhan yang pernah dikuatkuasakan di Hong Kong. Menujur Ordinan Pertubuhan tersebut sesebuah pertubuhan tidak perlu didaftarkan untuk menjadi pertubuhan yang sah dari segi undang-undang. Sebaliknya tanggungjawab mengharamkan pertubuhan terletak kepada Governor in Council. Dalam keadaan demikian Kuomintang dan PKM boleh menjadi pertubuhan yang sah tanpa melalui proses pendaftaran.

Perbincangan-perbincangan di kalangan pegawai-pegawai Pejabat Tanah jajahan, FO (Pejabat Luar), WO (Pejabat Perang), Duta-duta dan lain-lain memperlihatkan menimbangkan soal hubungan British-PKM dan Kuomintang dalam pengubalan dasar lepas-perang British terhadap komuniti Cina. Pada 11 Januari 1944 satu persidangan telah diadakan di New Delhi untuk membincangkan hal-ehwal orang Cina di Tanah Melayu. Persidangan ini dihadiri oleh pemimpin-pemimpin tentera termasuk M.E. Denning, Ketua Penasihat politik kepada Ketua Panglima Perang SEA, Ralph Hone, Ketua Pegawai Hal-Ehwal Awam Tanah Melayu dan Sir Horace Seymour, Duta British ke China. Hone memaklumkan kepada persidangan bahawa Pejabat Tanah jajahan bercadang menghantar Victor Purcell, Penasihat Hal-Ehwal Orang Cina (Unit Perancang Tanah Melayu) ke Chungking bagi melihat pandangan orang Cina di China terhadap orang Cina di seberang laut. Seymour berpendapat 'opinion in China was very crystallized on this subject but general trend was that Overseas Chinese should not be subject to disabilities in trade and politics from which other races did not suffer'.³¹ Ia menambah bahawa: 'there might well soon be a request from the officer in charge of these operations for permission to say something to the Chinese as their future position in Malaya in order to retain their co-operation and encourage them to further activities'. Kenyataan Denning dengan jelas menunjukkan pengubalan direktif dasar diperlukan oleh Force 136 bagi meningkatkan kerjasama di antara mereka dengan MPAJA.

Pegawai-pegawai Force 136 sendiri berhubung terus dengan Edward Gent, pegawai kanan di Pejabat Tanah jajahan, bagi meminta maklumat-maklumat tertentu seperti:

- (1) What form of citizenship if any will be available
 - a. To those born in Malaya, and
 - b. Those who have been domiciled there for a given period?
- (2) Will organisations and societies which were considered to be illegal before the war continue to be so considered.

- (3) From the point of view of civil rights and opportunities will such Chinese as may qualify for citizenship under above be subject to discrimination?³²

Victor Purcell selaku Penasihat Hal-Ehwal Orang China memain peranan penting dalam pengubalan dokumen 'Malaya, Long Term Policy directives: Chinese Policy'. Secara peribadi ia sangat bersimpati terhadap komuniti Cina. Ia mengutuk dasar sebelum perang British yang dianggap pro-Melayu dan menyifat bekas pegawai-pegawai British seperti theodore Samuel Adams sebagai Old School administrators.³³ Victor juga ingin membaiki imej pegawai-pegawai hal-ehwal orang Cina supaya tidak disifatkan sebagai anti-Cina. Ia berpendapat dasar terhadap komuniti Cina perlu dilakukan memandangkan perkembangan nasionalisme dan kesedaran politik yang melanda orang Cina di Tanah Melayu dan juga negeri Cina. Perubahan dasar juga perlu mengambil kira kewujudan MPAJA sebagai satu 'force' yang kuat. Menurutnya:

There is evidence that the anti-Japanese guerilla army in Malaya mostly Chinese, is nearly 40,000 strong, and largely communist in outlook Are we to expect that we can establish an administration or a Chinese affairs organization unrelated to claims it will have to make...³⁴

Pejabat Tanah Jajahan mengambil masa lebih daripada dua tahun untuk mengutip data bagi merangka kenyataan dasar lepas perang British terhadap Tanah Melayu. Pada 15 Januari 1944 Setiausaha Negara bagi Tanah jajahan telah menyerahkan sebuah memorandum 'Policy in Malaya' untuk dibincangkan oleh jawatankuasa kabinet perang mengenai dasar di Tanah Melayu dan Borneo. Jawatankuasa ini mengambil masa hampir setahun sebelum meluluskan rangka dasar perlembagaan Tanah Melayu. Sebelum cadangan perlembagaan baru diumumkan kepada ramai pihak tentera telah dibenarkan untuk menggunakan dalam operasi menduduki kembali Tanah Melayu. Dalam telegram yang dihantar kepada Pejabat Luar bertarikh 3 September 1945, M.E. Dening memaklumkan bahawa:

.... the politically minded elements [MPAJA] of the population have had notice of our return and time to prepared plans for our reception ... the population have been given only the most general and non-committal outline of policy that His Majesty's Government propose to follow.³⁵

G.H. Hall yang mengantikan Oliver Stanley sebagai Setiausaha Negara bagi Tanah jajahan telah mengistiharkan dasar lepas perang British terhadap Tanah Melayu di Parlimen pada 10 Oktober 1945. Antara lain disebutkan bahawa dasar British adalah untuk membentuk satu Perlembagaan Kesatuan Tanah Melayu yang kemudian dikenali sebagai Malayan Union dan untuk membentuk satu kewarganegaraan Tanah Melayu yang akan memberikan hak-hak kewarganegaraan yang samarata kepada sesiapa yang mendakwa bahawa Tanah

Melayu adalah tanah air mereka. Malayan Union akan mengandungi sembilan buah negeri Melayu dan dua buah negeri bekas Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Singapura diasingkan dan membentuk sebuah unit tersendiri.

Pada 11 Oktober 1945 Sir Harold MacMichael tiba di pelabuhan Kelang untuk memulakan tugas mendapatkan pesetujuan Sultan-sultan bagi menyerahkan kedaulatan atau jurisdiksi mereka kepada Mahkota British. Mulai 20 Oktober hingga 21 disember 1945 MacMichael mengunjungi Sultan-sultan dan berjaya mendapat persetujuan mereka. Walau bagaimana kebanyakan Sultan bersetuju selepas diugut akan diturunkan dari atas takhta.

Selepas mendapat kedaulatan penuh ke atas negeri-negeri Melayu Pejabat Tanah Jajahan mengeluarkan Kertas Putih yang memberi penjelasan terperinci skim Malayan Union. Pada hari yang sama Rang Undang-undang (*Repeal*) Negeri-negeri Selat dibentangkan di Parlimen British untuk meluluskan perundangan yang perlu bagi melaksanakan cadangan-cadangan perlembagaan baru. Tetapi pada 30 Mac 1946 kerajaan British mengumumkan penangguhan pelaksanaan peruntukan kewarganegaraan Malayan Union tetapi meneruskan rancangan pembentukan kerajaan Malayan Union. Pada 1 April Gent ditabalkan menjadi Gabenor Malayan Union.

Rancangan dan pembentukan Malayan Union telah mendapat tentangan hebat dari orang Melayu. Mereka merasa khuatir mengenai kesan Malayan Union terhadap untuk nasib masa depan bangsa Melayu di tanah air mereka sendiri. Kebimbangan mereka tertumpu kepada tiga perkara: perubahan konsep daripada Tanah Melayu untuk orang Melayu kepada untuk orang Malaya, penghapusan kedaulatan sultan-sultan, dan peruntukan cadangan kewarganegaraan Malayan Union yang membuka peluang dan memberi persamaan taraf kepada semua penduduk Tanah Melayu. Akhbar *Utusan Melayu* dalam keluaran 24 Januari mengecam skim *Malayan Union* yang dianggap menurunkan taraf raja-raja Melayu kepada hamba dalam birokrasi Mahkota Britain. Akhbar *Majlis* pula menganggap taraf orang Melayu di bawah Malayan Union diturunkan lebih kurang sama dengan orang Dayak di Amerika Utara dan penduduk asli di Australia.

Pada 3 Januari 1946 Dato' Onn Jaafar telah membentuk Pererakan Melayu semenanjung Johor dan kemudian *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* atau UMNO bagi menentang dan mengagalkan kerajaan Malayan Union. Hampir seluruh lapisan masyarakat Melayu termasuk beberapa sultan turut sama berjuang menentang *Malayan Union*. Beberapa orang bekas pegawai-pegawai British yang pernah bertugas di Tanah Melayu seperti R.O. Winstedt, Frank Swettenham dan George Maxwell turut sama mengecam dasar Malayan Union.³⁶

Orang Cina dan India yang dijangka akan memberi sambutan terhadap dasar Malayan Union pula memperlihatkan parasan dingin. Akhbar berbahasa Cina, Chung Hua mengemukakan pandangan bahawa orang Cina yang ingin mendapatkan hak-hak kewarganegaraan di Tanah Melayu haruslah

mengistiharkan atau berkenan untuk dipisahkan daripada negara ibunda mereka.³⁷ Pada masa itu sebahagian kecil sahaja orang Cina dan mengambil kewarganegaraan Malayan Union. Masyarakat Cina pada umumnya belum bersedia untuk membuat sebarang komitmen dan mereka masih belum pulih daripada kesan-kesan pendudukan Jepun dan masalah politik dalaman dalam masyarakat mereka sendiri. Memandangkan tentangan yang hebat daripada bangsa Melayu dan sambutan yang dingin dari orang bukan Melayu kerajaan British mengkaji semla dasar-dasarnya di Tanah Melayu. Edward Gent dan Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara sedar bahawa British perlu bertolak ansur dengan masyarakat Melayu bagi menjamin kedudukan kuasa British di Tanah Melayu. Pemimpin-pemimpin Melayu atau UMNO bersikap sederhana dalam mengemukakan tuntutan-tuntutan mereka. Andai kata mereka gagal besar kemungkinan golongan yang radikal akan mengambil alih teraju kepimpinan masyarakat Melayu dan berjuangan menentang British secara keras. Dalam situasi demikian British mengambil jalan mengadakan rundingan dengan pemimpin UMNO dan Sultan-sultan Melayu bagi menggubal satu dasar yang dapat diterima oleh masyarakat Melayu.

Pada 1 Februari 1948 Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang memberikan kedaulatan dalaman kepada Sultan-sultan, mengakui kedudukan istimewa bangsa Melayu dan memperketatkan syarat-syarat bagi orang bukan Melayu untuk mendapat kewarganegaraan Tanah Melayu. Pembentkan Persekutuan Tanah Melayu telah menyedarkan orang bukan Melayu bahawa peluang mereka untuk mendapat persamaan taraf dengan orang Melayu sudah terlepas. Mereka bangkit untuk mempertahankan dasar *Malayan Union* tetapi keadaan sudah terlewati. Walau bagaimana pun mereka berazam mendapat kembali unsur-unsur yang pernah diperkenalkan di bawah skim *Malayan Union*.

RUMUSAN

Peperangan Dunia Kedua menimbulkan banyak masalah kepada British yang menyebabkannya mengkaji semula dasar-dasar dan amalan-amalan pentadbirannya di Tanah Melayu. Ternyata bahawa perjanjian-perjanjian di antara British dengan Sultan-sultan Melayu yang dianggap ikudusî tidak bermakna lagi. British telah gagal menjalankan obligasinya gagal mempertahankan Tanah Melayu dan melindungi Sultan-sultan dan orang Melayu daripada serangan Jepun.

Peperangan Dunia Kedua juga mengubah corak hubungan di antara British dengan China dan komuniti Cina di Tanah Melayu. China yang dahulu dipandang rendah oleh Great Britain mungkin mempunyai potensi untuk muncul sebagai satu kuasa yang kuat dengan bantuan kuasa-kuasa besar termasuk Amerika Syarikat. Parti-parti politik Cina di Tanah Melayu yang dahulu ditindas dan diharamkan telah mengujudkan kerjasama dengan pihak British dalam

perjuangan menentang Jepun. Sebagai usaha untuk menentang serangan Jepun dan mengambil kembali telah memperkuatkan Kuomintang dan Komunis melalui pembentukan Dalforce dan kemudiannya pasukan guerila MPAJA. Keadaan ini mengubah kedudukan komuniti Cina menjadi satu force yang kuat atau dianggap kuat yang boleh menolong atau sebaliknya mengancam Kepulangan British ke Tanah Melayu. Dalam situasi yang tidak menentu ini mendorong British mengubah dasar pro-Melayu kepada satu dasar yang liberal untuk orang bukan Melayu. Konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu berubah kepada Tanah Melayu untuk semua penduduk Tanah Melayu. Kedaulatan sultan-sultan Melayu dan hak-hak istimewa orang Melayu sebagai bumiputera dihapuskan dan orang bukan Melayu diberi peluang dan kedudukan yang sama taraf bagi mendapat hak-hak kewarganegaraan dan peluang-peluang menyertai pentadbiran dan pemerintahan di Tanah Melayu.

- 1 R. Emerson, *Malaysia*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 97.
- 2 E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula, 1880-1910*, Kuala Lumpur, 1969, hlm.viii .
- 3 Emerson, op. cit. hlm.121.
- 4 Albert Lau, *The Malayan Union Controversy*, Singapore 1991, hlm.10.
- 5 Jagjit Sidhu Singh. *Administration in The Federated Malay States, 1896-1920.*, Kuala Lumpur, 1980
- 6 Li Dun Jen, *British Malaya: An Economic Analysis*, Kuala Lumpur, 1982, hlm.109.
7. Lau, op. cit. hlm. 15.
- 8 Li Dun Jen, hlm.117.
- 9 Emerson, op.cit. hlm. 29.
- 10 D.J. Steinberg dan rakan-rakannya, *Mengenali Sejarah Asia Tenggara Modern*. (Terjemahan Azizah Abbas), Kuala Lumpur, 1986. hlm. 443.
- 11 Khasnor Johan,*The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*, Oxford University Press, Singapore,1984, hlm. 112.
- 12 Roff, W.R., 1967, *The Origins of Malay Nationalism*, University of Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 111.
- 13 C.F.Yong.dan R.B. McKenna, *The Kuomintang Movement in Malaya, 1912-1949*. Singapore University Press, Singapore, 1990.
- 14 V.Purcell,The Chinese in Malaya, London, 1948.
- 15 Khasnor Johan, op. cit. hlm.112.
- 16 Yeo Kim Wah, *The Politics of Decentralization, 1920-1929*, Oxford University Press, Singapore, 1973.
- 17 Ibid. hlm. 237.
- 18 Lau, op. cit. hlm.23.
- 19 Ibid., hlm.29.
- 20 Ibid., hlm.71.
- 21 Minit oleh K.W. Blaxter, 23 April 1942, dalam CO 273/670/50763.
- 22 Paskin kepada Hone, 16 Jun 1949 dalam CAB 101/66.
Thomas kepada Moyne, dalam CO 273/669.
- 23 BMA/Chinese Affairs 76/1945.
- 24 Ibid.

- 25 BMA/CA.76/45.
- 26 Oong Hak Ching, 'Kerjasama British dengan Parti Komunis Malaya dan Kuomintang: Kesan-kesannya Terhadap Dasar-dasar British Di Tanah Melayu (1941-1945), dalam *Jebat* (18) 1990, hlm. 129-144.
- 27 Chapman, F.S., *The Jungle is Neutral*, London, 1954.
- 28 Cruickshank, C., *SOE in the Far East*, Oxford, 1983..
- 29 CO 825/35/55/55109.
- 30 CO 371/41625.
- 31 CAB 101/66.
- 32 BMA/ADM/239.
- 33 BMA/ADM/239.
- 34 CO 273/675.
- 35 Some Notes For The Secretary of State's Talk With Prominent Ex-Malaysians dalam CO 273/676.
- 36 Lau, op. cit.127.